



TARIKH	RABU, 27 NOVEMBER 2019
AKHBAR	UTUSAN BORNEO
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA PERLU TUMPU TEKNOLOGI TENAGA BAHARU
M/S	4
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	RENEWABLE ENERGY, NUCLEAR MALAYSIA, MARPA

# Malaysia perlu tumpu teknologi tenaga baharu

Dasar tenaga perlu dilihat semula, negara tidak harus bergantung kepada satu tenaga untuk penjanaan kuasa

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Malaysia perlu melihat semula dasar tenaga di negara ini dengan menumpukan kepada teknologi tenaga baharu untuk melangkah jauh ke hadapan.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, negara tidak harus bergantung kepada satu tenaga untuk penjanaan kuasa termasuk nuklear kerana terdapat banyak sumber sebagai alternatif lain.

"Sebab itu kita di Sarawak, kita menumpukan kepada teknologi tenaga diperbaharui dalam usaha kita melangkah ke hadapan kerana ia tidak melibatkan radiasi dan sebagainya.

"Tambahan negeri kita mempunyai banyak sumber air termasuk kesemua empangan hidroelektrik dengan tiga daripadanya beroperasi sepenuhnya iaitu Batang Ai, Bakun dan Murum dan akan datang Baleh," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019 anjuran Agensi Nuklear Malaysia dan Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA) di sini, semalam.

Malahan kata Abang Johari, Sarawak mengeksport



**TEKNOLOGI:** Abang Johari (tengah) melakukan simbolik perasmian Persidangan dan Bengkel Perlindungan Sinaran 2019 sambil disaksikan Mohd Wahab (kiri) dan Zulkifli (kanan) di Kuching, semalam. — Gambar Chironn Upon

tenaga elektriknya ke Kalimantan dan pada masa yang sama menyokong bekalan ke Sabah dan Brunei.

Beliau berkata, dengan itu pada masa depan Sarawak akan menjadi pembekal tenaga kuasa menerusi hidroelektriknya kepada negara luar.

"Ini adalah komitmen kami, agar Sarawak khususnya dan Malaysia amnya akan menjadi negeri dan negara bersih

daripada aspek alam sekitar," tegasnya.

Sementara itu, beliau mempelawa pakar dalam bidang teknologi atom atau nuklear dapat memberi keyakinan kepada masyarakat mengenai kesan perlindungan sinaran terutama dalam beberapa sektor.

Beliau berkata, antara tiga sektor yang sering dikaitkan dengan radiasi atau sinaran daripada teknologi nuklear

termasuk telekomunikasi, perkhidmatan dan pengilangan.

"Dalam perkara seperti ini, kita memerlukan pakar nuklear untuk memberi penerangan tentang kesan keseluruhan daripada penggunaan teknologi nuklear dalam sektor-sektor terbahit dan hanya pakar yang berkebolehan mampu mencadangkan atau menjelaskan mengenai kesan radioaktif

"Sebab itu kita di Sarawak, kita menumpukan kepada teknologi tenaga diperbaharui dalam usaha kita melangkah ke hadapan kerana ia tidak melibatkan radiasi dan sebagainya."

Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg  
Ketua Menteri

daripada penggunaan nuklear," katanya.

Tambah Abang Johari sebagai contoh dalam sektor telekomunikasi, ia pastinya melibatkan pembinaan atau mendirikan menara di sesetengah kawasan dalam meningkatkan perhubungan termasuk di Sarawak.

Namun katanya, memandangkan usaha berkenaan juga perlu menggunakan penglibatan gentian optik dan sebagainya, ramai masyarakat bimbang terhadap kesanmua.

Jelasnya malahan ada persepsi daripada masyarakat ia akan memberi kesan buruk dari segi sinaran di kawasan atau kampung berdekatan di mana menara telekomunikasi didirikan.

"Atas sebab itu, kita amat memerlukan bantuan daripada pakar teknologi

nuklear khususnya untuk membantu memberi penerangan kepada mereka," tegasnya.

Sehubungan itu beliau amat berterima kasih kepada pihak penganjur kerana memilih Kuching khususnya dan Sarawak amnya sebagai tempat penganjuran persidangan mengenai perlindungan sinaran.

Katanya, dengan itu ia secara tidak langsung akan memberi banyak maklumat atau penerangan mengenai teknologi berkenaan terutama kepada masyarakat di negeri ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Mohd Abdul Wahab Yusof serta Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Presiden MARPA Dr Zulkifli Mohamad Hashim.

DISEDIAKAN OLEH	1-NASAAI BIN MASNGUT (N41), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	---